

19/08/2001

Thailand terima waticah jemputan Sukan Sea KL

Mohd Zin Ali in Bangkok

BANGKOK: Presiden Majlis Olimpik Thailand, Jen Yuthasak Sasiprapha mewakili kerajaan Thailand menerima waticah jemputan ke Sukan Sea-Kuala Lumpur 2001 di sini, semalam.

Waticah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Belia Kementerian Belia dan Sukan, Nawawi Arshad yang mewakili Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, kira-kira jam 5 petang (jam 6 petang waktu Malaysia).

Majlis disaksikan Ketua Ekspedisi Penerbangan Muhibah Asean 2001, Abdul Latiff Endot dan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan, Zamri Abu Yazid.

Thailand adalah negara terakhir dalam siri ekspedisi Penerbangan Muhibah ke negara Asean mengikut laluan Utara bagi menjemput sendiri negara terbabit hadir ke Sukan Sea XXI yang akan diadakan di Kuala Lumpur, bulan depan.

Sebelum ini, ekspedisi yang membabitkan perjalanan sejauh lebih 4,000 batu nautika, melalui Myanmar, Laos, Vietnam dan Kemboja.

Ia juga adalah sebahagian usaha untuk mempromosi Sukan Sea XXI dan bersempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-44, selain menggalakkan golongan belia menyertai kegiatan berfaedah dan bermanfaat.

Sementara itu, pesawat eksperimental Zodiac Rakan Muda yang mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Bangkok kelmarin, menjalani penyelenggaraan kerana menghadapi sedikit kerosakan mekanikal dan keretakan pada ekzos dalam perjalanan dari Phnom Penh ke sini.

Kerja penyelenggaraan ke atas pesawat 9M-ERA dan 9M-ERM dijalankan oleh jurutera penyelenggara, Supli Mat dengan dibantu Ahmad Dollah serta jurutera elektrik, Sarinah Mohd Sabran.

Ketua ekspedisi, Abdul Latiff yang memandu pesawat 9M-ERA, berkata beliau yang dibantu pelatih penerbangan Rakan Muda Rekreasi Udara, Mohd Khairul Kamaruddin menghadapi saat cemas ketika mendarat di sini kerana hampir kehabisan minyak, kelmarin.

Beliau berkata, keretakan pada ekzos menyebabkan pesawat 9M-ERA yang dipandunya menggunakan lebih banyak minyak untuk perjalanan dari Phnom Penh ke sini.

"Kami terpaksa menghubungi menara kawalan 20 minit lebih awal sebelum mendarat untuk mendapat kebenaran dan diberi keutamaan sebaik sahaja sampai di lapangan terbang.

"Minyak sebanyak 100 liter yang sepatutnya mampu menerbangkan pesawat selama lima setengah jam sekadar mencukupi untuk saya dan Khairul mendarat menyebabkan kami hampir-hampir cemas tidak mampu melakukan pendaratan di lapangan terbang berkenaan," katanya.

Selain itu, beliau mengucapkan syukur kerana menara kawalan di sini turut mengarahkan sebuah pesawat Boeing 747 mengalihkan pendaratan mereka dari menggunakan landasan 21L kepada 21R.

"Kami bimbang juga kerana pesawat Boeing 747 itu sudah menunggu kami untuk mendarat di landasan yang sama dan sudah tentu mereka lebih besar dan laju daripada pesawat Zodiac," katanya.

Abdul Latiff juga berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju menemui anggota ekspedisi Penerbangan Muhibah Asean 2001 sebaik saja beliau kembali ke tanah air daripada lawatan rasmi ke luar negara di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang, Rabu ini.

"Pesawat CN 235 akan mendarat terlebih dahulu diikuti oleh pesawat yang

dinaiki Dr Mahathir. Oleh itu, beliau sudah menyatakan persetujuan untuk menemui anggota ekspedisi di sana," katanya.

Penerbangan Muhibah Asean 2001 dilancarkan oleh Perdana Menteri di Pangkalan TUDM Sungai Besi pada 14 Julai lalu.

(END)